

Mesej Enam

Hidup Bersama dengan Trinitas Divin

(3)

Mengalami dan Menikmati Trinitas Divin Secara Penuh

Bacaan Bible: Mat. 28:19; 2 Kor. 13:14; Wahi 1:4-5; 4:5; 5:6

- I. **Wahi yang paling jelas tentang Trinitas Divin dalam Wasiat Baru terdapat dalam Matius 28:19, yang berbicara tentang baptis “ke dalam nama Bapa dan Anak dan Roh Kudus”:**
 - A. Walaupun Tuhan adalah satu secara unik, namun terdapat tiga persona—Bapa, Anak, dan Roh—ay. 19.
 - B. Dari satu segi, Matius 28:19 berbicara tentang Bapa, Anak, dan Roh Kudus; dari segi yang lain, dalam ayat ini hanya terdapat satu nama—nama Bapa dan Anak dan Roh Kudus:
 1. Nama ialah jumlah keseluruhan Diri Divin, yang bersamaan dengan persona-Nya.
 2. Satu nama merangkumi tiga—Bapa, Anak, dan Roh Kudus—dan mewahikan bahawa Tuhan adalah tiga dalam satu.
 3. Membaptis percayawan ke dalam nama Tuhan Tritunggal bererti membenamkan mereka ke dalam segala apanya Tuhan Tritunggal dan membawa mereka ke dalam persona Tuhan Tritunggal agar mereka mempunyai penyatuan organik dengan persona divin ini—ay. 19.
 - C. Dibaptis ke dalam nama Bapa dan Anak dan Roh Kudus merupakan perkara yang dalam—1 Kor. 12:13; Gal. 3:27:
 1. Dalam Matius 28:19, *ke dalam* menunjukkan penyatuan, seperti dalam Roma 6:3 dan Galatia 3:27.
 2. Dibaptis ke dalam nama Tuhan Tritunggal bererti diletakkan ke dalam penyatuan mistikal dengan-Nya dan memanfaatkan segala apanya Tuhan ke dalam diri kita—Mat. 28:19.
 - D. Suruhan yang disampaikan dalam Matius 28:19 diberi oleh Tuan Yesus selepas Dia masuk ke dalam kebangkitan, yang merupakan konsumasi proses bagi Tuhan Tritunggal:
 1. Tuhan Tritunggal telah melalui proses yang bermula dengan inkarnasi, termasuk kehidupan insani dan penyaliban serta berkonsumasi dengan kebangkitan—Yoh. 1:14; Roma 6:4.
 2. Dalam kebangkitan, Kristus, yakni perjasadan Tuhan Tritunggal, telah menjadi Roh beri-hayat, iaitu konsumasi Tuhan Tritunggal, agar percayawan dibaptis ke dalam Trinitas Divin—1 Kor. 15:45; 2 Kor. 3:17.
 3. Dibaptis ke dalam persona Trinitas bererti dibaptis ke dalam Roh almuhit yang terkonsumsi, yang merupakan konsumasi muktamad bagi Tuhan Tritunggal yang terproses—Mat. 28:19:
 - a. Inilah maksud dibaptis ke dalam kekayaan Bapa, ke dalam kekayaan Anak, dan ke dalam kekayaan Roh—Ef 3:8.
 - b. Sebagai orang yang dibaptis, kita kini berada dalam penyatuan organik dengan Tuhan Tritunggal; oleh itu, segala apa yang dimiliki Bapa, segala apa yang dimiliki Anak, dan segala apa yang diterima Roh telah menjadi milik kita—1 Kor. 6:17; Yoh. 15:4-5, 7.
- II. **Mengalami dan menikmati Trinitas Divin secara penuh bererti berbahagian dalam kasih Tuhan, kurnia Tuan Yesus Kristus, dan persekutuan Roh Kudus—2 Kor. 13:14:**

- A. Dua Korintus 13:14 menunjukkan kepada kita tiga persona dalam tiga aspek—Tuhan Bapa (kasih), Tuan Yesus Kristus, yaitu Anak Tuhan (kurnia), dan Roh Kudus (persekutuan).
- B. Kasih Tuhan Bapa ialah sumber, memandangkan Tuhan ialah asal; kurnia Tuan ialah saluran kasih Tuhan, memandangkan Tuan ialah ekspresi Tuhan; dan persekutuan Roh itu ialah penyaluran kurnia Tuan bersama-sama kasih Tuhan, memandangkan Roh itu ialah transmisi Tuan bersama-sama Tuhan untuk kita mengalami dan menikmati Tuhan Tritunggal—Bapa, Anak, dan Roh Kudus—ay. 14; Mat. 28:19.
- C. Kasih, kurnia, dan persekutuan dalam 2 Korintus 13:14 sejajar dengan Bapa, Anak, dan Roh Kudus dalam Matius 28:19:
 - 1. Kurnia Tuan ialah Tuan sendiri sebagai hayat untuk kenikmatan kita—Yoh. 1:17; 1 Kor. 15:10.
 - 2. Kasih Tuhan ialah Tuhan sendiri sebagai sumber kurnia Tuan—1 Yoh. 4:9.
 - 3. Persekutuan Roh itu ialah Roh itu sendiri sebagai transmisi kurnia Tuan bersama-sama kasih Tuhan untuk kita berbahagian dalamnya—2 Kor. 13:14.
 - 4. Kasih Tuhan Bapa diekspresikan dalam kurnia Kristus Anak, dan kurnia Kristus Anak berada dalam persekutuan Tuhan Roh untuk ditransmisikan kepada percayawan—Yoh. 3:16; 1:17, 16:
 - a. Menerusi persekutuan Roh Kudus, kurnia dapat mencapai kita—2 Kor. 13:14.
 - b. Kurnia Kristus keluar daripada kasih Tuhan, dan kurnia ini ditransmisikan kepada kita dan masuk ke dalam kita menerusi persekutuan Roh Kudus—ay. 14.
 - c. Untuk mengalami dan menikmati kurnia Tuan, kita perlu berada dalam persekutuan Roh Kudus, dan semasa kita menikmati kurnia Tuan, kita mengecap kasih Tuhan—Yoh. 1:14, 16; 1 Yoh. 4:9-10.
- D. Pada Trinitas Divin ada sumber, saluran, dan aliran—2 Kor. 13:14:
 - 1. Sumber, iaitu mata air, ialah kasih Tuhan—Yoh. 3:16; 4:14.
 - 2. Saluran, iaitu pengaliran keluar, ialah kurnia diekspresikan dan disalurkan kepada kita melalui Kristus—1 Kor. 16:23.
 - 3. Aliran ialah Roh Kudus sebagai persekutuan, transmisi, peredaran, bagi kurnia Kristus berserta kasih Bapa—2 Kor. 13:14.

III. Pengalaman dan kenikmatan terhadap Trinitas Divin secara penuh dikonsumsi melalui Dia yang sekarang, yang dahulu, dan yang akan datang, melalui tujuh Roh, serta melalui Yesus Kristus, Saksi yang setia itu, Yang Pertama-lahir daripada yang mati, dan Pemerintah kepada raja-raja di bumi—Wahi 1:4-5:

- A. Wahi 1:4 berbicara tentang Tuhan sebagai Dia yang sekarang, yang dahulu, dan yang akan datang:
 - 1. Inilah makna nama Yehova:
 - a. Dalam bahasa Ibrani, Yehova bermakna “Akulah Aku Adalah”—Kel. 3:14, 6.
 - b. Dia sebagai Aku Adalah menandakan bahawa Dialah Yang wujud dari keabadian hingga keabadian.
 - 2. Tuhan ialah Dia yang satu-satunya adalah, Dia yang satu-satunya mempunyai realiti kewujudan.
 - 3. Ibrani 11:6 mengatakan bahawa “dia yang datang ke hadapan kepada Tuhan harus percaya bahawa Tuhan adalah”:
 - a. Menurut Ibrani 11:6, Tuhan adalah, dan kita harus percaya bahawa Dia adalah.

- b. Sebagai Dia yang sekarang, yang dahulu, dan yang akan datang, Tuhan ialah Dia yang swawujud dan kekal-wujud, Dia yang tidak bergantung pada apa-apa selain diri-Nya, dan Dia yang wujud secara abadi, tanpa ada permulaan ataupun pengakhiran—Kel. 3:14.
 - c. Percaya bahawa Tuhan adalah bererti percaya bahawa Dia ialah segala-galanya bagi kita dan bahawa kita tidak terbilang apa-apa—Yoh. 8:58; Pkh. 1:2.
 - d. Percaya bahawa Tuhan adalah mengimplikasikan bahawa kita bukan; Dia harus menjadi Dia yang satu-satunya, Dia yang unik, dalam segala-gala, dan kita harus menjadi tidak terbilang apa-apa dalam segala-gala—Ibr. 11:5; Kej. 5:22-24.
- B. Wahi 1:4 berbicara tentang “tujuh Roh yang ada di hadapan takhta-Nya”:
- 1. Dalam buku Wahi, Roh itu dipanggil tujuh Roh (1:4; 4:5; 5:6), iaitu Roh yang diperhebat tujuh kali ganda.
 - 2. Tanpa ragu-ragu, tujuh Roh dalam Wahi 1:4 ialah satu Roh Tuhan (Ef. 4:4) kerana Mereka disejajarkan dengan Tuhan Tritunggal.
 - 3. Oleh sebab tujuh ialah angka untuk kelengkapan dalam operasi Tuhan, maka tujuh Roh pasti adalah untuk pergerakan Tuhan di bumi—Wahi 4:5:
 - a. Dalam esens dan kewujudan, Roh Tuhan adalah satu.
 - b. Dalam fungsi dan kerja yang diperhebat bagi operasi Tuhan, Roh Tuhan adalah tujuh kali ganda—1:4.
 - 4. Gelaran *tujuh Roh* menunjukkan bahawa Roh itu telah diperhebat tujuh kali ganda; Roh ini memperhebat segala elemen Roh itu, iaitu kedivinan, inkarnasi, penyaliban, kebangkitan, realiti, dan kurnia—3:1.
 - 5. Menurut Wahi 5:6, tujuh Roh Tuhan ialah tujuh mata Anak Domba:
 - a. Kristus sebagai Anak Domba yang menebus itu di atas takhta mempunyai tujuh mata yang memerhati dan menyelidik bagi melaksanakan penghakiman Tuhan ke atas alam semesta untuk menggenapi tujuan abadi Tuhan yang akan berkonsumasi dalam pembinaan Yerusalem Baru—4:5; 21:2, 9-10.
 - b. Tujuh Roh sebagai tujuh mata Anak Domba juga untuk mentransfusi.
 - c. Apabila Kristus memandang kita dengan tujuh mata-Nya, mata ini yang merupakan tujuh Roh akan mentransfusikan elemen Kristus dan Kristus sendiri ke dalam kita untuk mentransform kita—5:6.
- C. Wahi 1:5 berbicara tentang “Yesus Kristus, Saksi yang setia itu, Yang Pertama-lahir daripada yang mati, dan Pemerintah kepada raja-raja di bumi”:
- 1. Sebagai Saksi Tuhan yang hidup dan setia itu, Kristus ialah Dia yang mempersaksikan Tuhan bukan sahaja melalui sabda dan perbuatan-Nya, malah melalui apanya Dia; diri-Nya ialah kesaksian Tuhan—ay. 5a.
 - 2. Kristus sebagai Yang Pertama-lahir daripada yang mati merujuk kepada kebangkitan-Nya; Kristus ialah Dia yang hidup—Dia yang telah mati dan kini hidup selama-lamanya, yang mempunyai kunci maut dan Hades—ay. 5b, 18.
 - 3. Dalam kenaikan-Nya ke syurga, Tuan Yesus ialah Pemerintah kepada raja-raja di bumi—ay. 5c:
 - a. Setelah melalui inkarnasi, kehidupan insani, penyaliban, kebangkitan, dan kenaikan ke syurga, Dia ditabalkan melangkaui semua raja—5:6.
 - b. Tuan Yesus, Dia yang ditabalkan, sedang memerintah bumi, seluruh dunia, sebagai Pemerintah kepada raja-raja di bumi—1:5c.